

ANNOUNCEMENT



MINISTRY OF
INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Dear Valued Customer,

IMPLEMENTATION OF ELECTRONICALLY AFFIXED SIGNATURE AND SEAL ON ATIGA FORM D FOR EXPORTATION TO THE REPUBLIC OF THE UNION OF MYANMAR

The Republic of the Union of Myanmar (Myanmar) at the 33rd ASEAN Subcommittee on Rules of Origin (SCAROO) Meeting held on 22 to 23 June 2020 had informed that she could now **accept paper-based ATIGA Form D with electronically affixed signature and seal** at ports that are not listed in the list of ports that are ready to accept e-Form D (Appendix A11 and A12).

With this new update, **effective 29 June 2020 and until further notice**, Malaysian exporters exporting to **other ports in Myanmar except Yangon port (Port code MMRGN)** may submit the **paper-based ATIGA Form D** with electronically affixed signature and seal to their importers and **no longer need to be physically present** at the MITI Service Counter for manual endorsement. Exporter needs to ensure:

1. **the ASEAN Single Window (ASW) consent box** in the ePCO system is **not ticked** so that the **official signature and seal will be electronically affixed on the Form D**; and
2. to submit the **Duplicate** copy of the PCO to MITI Service Counter at Menara MITI or MITI Regional Offices for record on a monthly basis.

In the event of any technical issues, please email to careline@dagangnet.com for assistance. We thank you for your continuous support and cooperation.

Senior Director
Trade and Industry Support Division
Ministry of International Trade and Industry
26 June 2020

PEMAKLUMAN



MINISTRY OF
INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Para pelanggan yang dihormati,

PELAKSANAAN PROSES PENGESAHAN ATIGA FORM D SECARA ELEKTRONIK UNTUK PENGEKSPORTAN KE REPUBLIK KESATUAN MYANMAR

Republik Kesatuan Myanmar (Myanmar) sewaktu Mesyuarat ASEAN *Subcommittee on Rules of Origin* (SCAROO) ke-33 pada 22 hingga 23 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa **Myanmar sedia untuk menerima ATIGA Form D dengan pengesahan secara elektronik (tandatangan dan meterai rasmi)** di pelabuhan-pelabuhan yang tidak tersenarai dalam senarai pelabuhan yang bersedia menerima e-Form D (Lampiran A11 dan A12).

Dengan perkembangan baharu ini, bermula **29 Jun 2020 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak**, pengeksport Malaysia yang ingin mengeksport ke Myanmar melalui **pelabuhan-pelabuhan selain pelabuhan Yangon** (Kod Pelabuhan MMRGN) boleh mengemukakan **manual Form D yang telah ditandatangan dan dimeterai secara elektronik** kepada pengimport dan **tidak perlu hadir** ke Kaunter Perkhidmatan MITI untuk **membuat pengesahan** PCO. Pengeksport hendaklah memastikan:

1. kotak **“ASEAN SINGLE WINDOW (ASW) CONSENT FOR ATIGA”** di dalam sistem ePCO **tidak ditanda** bagi membolehkan tandatangan dan meterai rasmi ditetapkan secara elektronik di atas Form D tersebut; dan
2. bertanggungjawab untuk **mengemukakan salinan pendua PCO** ke Kaunter Perkhidmatan MITI di Menara MITI atau di Pejabat MITI Wilayah setiap bulan.

Sekiranya terdapat sebarang masalah teknikal, pihak tuan/puan boleh melaporkan isu tersebut kepada careline@dagangnet.com untuk bantuan teknikal. Terima kasih di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Pengarah Kanan
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
26 Jun 2020